

06 DEC 1999

Gerakan-Chong Eu

CHONG EU RESTUI TINDAKAN ANAKNYA KELUAR PARTI

PULAU PINANG, 6 Sept (Bernama) -- Pengasas parti Gerakan, Tun Dr Lim Chong Eu hari ini berkata beliau merestui tindakan anaknya, Lim Chien Aun, anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Bayan Lepas, untuk keluar dari parti itu.

Katanya, walaupun beliau agak terguris dengan keputusan anaknya itu, beliau berbangga dan menghormati keputusan Chien Aun yang disifatkannya sebagai berani dan berprinsip.

Dr Lim, bekas ketua menteri Pulau Pinang, memberitahu pemberita di rumahnya di sini bahawa Chien Aun telah terlebih dahulu memaklukkannya mengenai cadangan untuk keluar dari parti itu apabila mengetahui bahawa Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dilantik semula sebagai Ketua Menteri.

"Saya bangga mempunyai seorang anak yang bertindak berani mengikut prinsip sendiri dan terlebih dahulu memaklumkan kepada saya mengenai keputusannya," kata beliau.

Katanya, tindakan anaknya itu mungkin betul dari segi moral tetapi ia juga boleh disalahanggap oleh rakyat kerana menimbulkan pelbagai tafsiran.

Dr Lim berkata, beliau telah memberitahu anaknya bahawa tindakan itu adalah sesuatu yang drastik tetapi Chien Aun berpendapat hanya menerusi tindakan itu beliau dapat meluahkan rasa tidak puas hatinya.

"Chien Aun juga bersedia menghadapi sebarang kemungkinan walaupun mengetahui bahawa masa depan politiknya agak sukar," katanya.

Beliau berkata, apa yang sebenarnya berlaku adalah akibat masalah dalam parti dan disebabkan itu, para pemimpin Gerakan haruslah mengambil pengajaran untuk menghormati pendapat orang lain.

Katanya, sebagai pemimpin, tugas utama menghadapi krisis ialah untuk merapatkan semula para anggota dan bukannya memburukkan lagi suasana.

"Sesuatu yang baru perlu berlaku kerana evolusi politik harus melalui proses perubahan," katanya.

Dr Lim berkata, pemimpin parti tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan kononnya Chien Aun adalah pengkhianat kerana ia boleh memburukkan lagi suasana sedangkan mereka yang keluar parti masih menyokong Barisan Nasional di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tindakan Koh meminta maaf kepada pengundi juga tidak relevan kerana Chien Aun sendiri boleh menerangkan perkembangan yang berlaku itu kepada para pengundinya.

Terdahulu, beliau turut hadir pada majlis angkat sumpah Koh sebagai Ketua Menteri di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir di sini.

-- BERNAMA

AA NMO